

Kajian Agromakanan Segar

Oleh SURAIDAH ROSLAN

▶ Bantu rancang pengeluaran agromakanan dengan baik

KOTA KINABALU: Satu Kajian Penggunaan Agromakanan Segar yang komprehensif akan dilaksanakan bagi memastikan industri agromakanan dirancang dengan baik.

Kajian yang melibatkan kos sejumlah RM4.8 juta bagi tempoh 18 bulan ini melibatkan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Malaysia Sarawak.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Fama Mansor

Omar berkata hasil kajian itu akan membolehkan Fama merancang pengeluaran pertanian, mengenalpasti aliran agromakanan serta menganggarkan keperluan bahan mentah dalam negara.

“Kajian ini akan dilakukan secara rawak terhadap 8,000 pengguna seluruh Malaysia, 1,000 institusi berkaitan dan 1,000 pengilang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian antara UMS Investment Holdings Sdn Bhd (UiNVEST) dan Fama, di sini pada Rabu.

“Saya berharap UiNVEST dapat melaksanakan kajian dengan sebaiknya agar

maklumat yang dikumpul dapat digunakan semua pihak berkepentingan. Maklumat itu penting dalam membangunkan polisi dan dasar sektor pertanian negara,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan UiNVEST Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmud berkata melalui kajian itu, mereka akan mengenalpasti

trend perbelanjaan penggunaan agromakanan segar dan pembaziran makanan dan pengurusan sisa makanan di Malaysia.

Beliau melihat kajian itu mampu memberi input signifikan kepada perancangan pengeluaran produk agromakanan segar negara. Malah, ia akan memberi input

“Kajian ini akan dilakukan secara rawak terhadap 8,000 pengguna seluruh Malaysia, 1,000 institusi berkaitan dan 1,000 pengilang.”

MANSOR OMAR

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Fama



KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan UiNVEST Ramlan Awang Ali (dua kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengarah Kanan Bahagian Maklumat Pasaran Fama Faridultrash Md Mokri (dua kanan), sambil diperhatikan Mansor (kanan) dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Prof Dr Ismail Ali (empat kanan).

kepada kadar pembaziran isi rumah, pertubuhan kilang dan pertubuhan perkhidmatan

hospitaliti di negara ini.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang

disampaikan Ahli Lembaga Pengarah UiNVEST Datuk Mohamed Zulfikar Ahmad.